

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

01
MAY

NAIB CANSELOR RASMI 'SMILE CORNER' DAN 'DENTAL CHAIR' BAHARU DI UNIT PERGIGIAN USM



USM, PULAU PINANG, April 2018 – Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr. Asma Ismail telah merasmikan 'Smile Corner' iaitu satu ruang khas yang disediakan di Unit Pergigian Pusat Sejahtera USM untuk sama-sama merasai pengalaman sewaktu berada di klinik pergigian.

Naib Canselor turut menyempurnakan perasmian satu set baharu 'Dental Chair' di klinik pergigian USM ketika melawat Unit Pergigian sempena perasmian Minggu Kesihatan peringkat Kampus Induk USM anjuran Pusat Sejahtera USM yang berlangsung dari 9-14 April 2018.

Kata Naib Canselor, perkhidmatan rawatan pergigian secara berbayar kini telah dipanjangkan kepada staf, pesara dan pelajar antarabangsa melalui klinik pergigian 'private wing' sebagai satu usaha untuk memperluaskan perkhidmatannya kepada lebih ramai pemegang taruh USM.



Perkhidmatan rawatan pergigian tersebut dijalankan semasa waktu pejabat atau di luar waktu pejabat dan perlu melalui sistem temujanji.

Sebelum itu, Naib Canselor dalam ucapan perasmianya, berkata Minggu Kesihatan yang dianjurkan setiap tahun adalah untuk meningkatkan kesedaran warga USM terhadap isu-isu dan kebimbangan kesihatan terkini yang semakin meruncing, terutamanya penyakit tidak berjangkit seperti diabetes (kencing manis), obesiti, darah tinggi, sakit buah pinggang, dan sebagainya.



"Slogan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia bagi tahun 2018 iaitu #KESIHATANUNTUKSEMUA atau #HEALTHFORALL adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan kepada semua individu tanpa mengira umur, jantina, bangsa, agama dan latarbelakang,

dan bahawa penyediaan kemudahan dan perlindungan kesihatan yang terkini seharusnya mudah diakses dan mampan oleh semua orang,” katanya.

Naib Canselor turut mengingatkan setiap warga USM untuk mengikuti program #USMFIT yang dilancarkan pada bulan Februari yang lalu ketika Perutusan Naib Canselor USM 2018 dengan menghayati gaya hidup sihat dan memperkasakan diri dalam penjagaan kesihatan termasuk mengamalkan pemakanan sihat dan aktiviti bersukan/bersenam.



Naib Canselor juga mengikuti sesi senaman Tai Chi bersama warga kampus yang hadir, yang dipimpin oleh instruktur Tai Chi yang tidak asing lagi di kampus, Dr. George Teoh Boon Sai dari Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh.

Turut hadir di majlis perasmian ialah Pengarah Pusat Sejahtera USM, Dr. Normala Abdul Wahid dan staf Pusat Sejahtera USM.



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015